

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

SOALAN NO. 469

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pencapaian atau penambahbaikan polisi KPM sejak pelantikan Menteri dan 2 orang Timbalan Menteri baharu.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahun 2020 merupakan tahun yang amat mencabar bagi kita semua masyarakat dunia amnya dan rakyat Malaysia khususnya. Sektor pendidikan adalah antara sektor yang amat terkesan dengan pandemik COVID-19. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah proaktif dan drastik dengan menutup semua sekolah pada semua peringkat pendidikan mulai 18 Mac 2020. Sejumlah lebih 5 juta orang murid tidak dapat hadir ke sekolah dan mengikuti pembelajaran secara bersemuka seperti tahun-tahun sebelumnya.

Pengajaran dan Pembelajaran

Bagi memastikan semua murid tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan, KPM komited untuk menyediakan akses pembelajaran melalui kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) atau *Home Based-learning* mengikut kesesuaian murid dan guru. KPM telah mengambil inisiatif dengan menyediakan Manual PdPR sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang supaya murid

dapat mengikuti pembelajaran di rumah secara optimum. Manual ini meliputi kaedah pembelajaran dalam talian (*online*), luar talian (*offline*), *off-site*, menggunakan modul pembelajaran dan berasaskan projek tanpa mengetepikan hak murid untuk terus belajar.

KPM juga telah menyediakan pelantar pembelajaran Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) yang mempunyai pelbagai sumber pendidikan termasuk buku teks digital, modul, panduan, dan sumber-sumber lain seperti video pendidikan dan bahan pembelajaran dalam bentuk gamifikasi. Sehingga kini, sejumlah 485 buah buku teks digital telah dimuat naik ke pelantar DELIMa bagi rujukan semua warga pendidikan. Selain itu, terdapat sebanyak 1,591 video pendidikan dalam portal EduwebTV dan 6,585 video pendidikan yang dikongsikan oleh guru-guru dalam portal CikgooTube yang telah dipautkan ke dalam pelantar DELIMa untuk kegunaan murid dan guru.

Pada 6 April 2020, KPM telah memperkenalkan semula TV Pendidikan secara terrestrial bagi membantu murid yang tidak mendapat akses kepada internet atau tidak mempunyai peranti untuk mengikuti pembelajaran di rumah. Bermula dengan siaran selama dua (2) jam di TV Okey RTM, siaran ditambah di Tutor TV Astro selama empat (4) jam. Terkini, KPM telah memulakan siaran TV Pendidikan selama tiga (3) jam di saluran NTV7 pada 23 November 2020. Ini menjadikan keseluruhan siaran TV Pendidikan adalah selama sembilan (9) jam sehari. Pembukaan semula sesi persekolahan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) secara berperingkat mencerminkan keprihatinan KPM terhadap kebajikan murid, khususnya murid di luar bandar yang berdepan dengan masalah capaian internet untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Oleh hal demikian, KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah yang komprehensif sebagai panduan.

Dalam usaha untuk memastikan murid mendapat pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk kelangsungan pembelajaran pada tahun hadapan, KPM turut melaksanakan penjajaran kurikulum untuk semua mata pelajaran berdasarkan kurikulum sedia ada, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) kecuali untuk murid tingkatan lima. Ini

melibatkan penyusunan semula kandungan, pedagogi dan pentaksiran berdasarkan hasil pembelajaran yang dihasratkan bagi memenuhi keperluan khusus mata pelajaran.

Melalui penjajaran kurikulum ini, guru boleh merancang pengajaran dan pembelajaran dengan melaksanakan kaedah pembelajaran teradun (blended learning). Pembelajaran teradun melibatkan gabungan teknik pengajaran bersemuka di dalam bilik darjah atau pembelajaran di rumah yang dirancang secara berstruktur. Kaedah pentaksiran telah diselaraskan semula agar bersesuaian dengan keadaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa. Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Tingkatan 3 (PT3) tahun 2020 telah dibatalkan dan murid akan dinilai dengan kaedah penilaian berdasarkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang juga merupakan sebahagian daripada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Bagi aktiviti sukan dan kokurikulum pula, KPM telah memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan semua aktiviti sukan dan kokurikulum yang melibatkan murid dan guru secara bersemuka. Program/aktiviti hanya dijalankan secara dalam talian dengan menggunakan platform yang bersesuaian bagi membolehkan interaksi dua hala di antara guru dan murid.

KPM juga telah menjadualkan semula tarikh peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Dengan pindaan tarikh peperiksaan awam ini, calon akan mempunyai masa yang lebih panjang untuk membuat persediaan rapi bagi menghadapi peperiksaan. Selain daripada itu, ianya juga memberi lebih masa kepada mereka untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka apabila sekolah dibuka semula pada 20 Januari 2021.

Pembangunan Infrastruktur

Pembangunan infrastruktur institusi pendidikan perlu terus diberi perhatian walaupun dalam keadaan negara menghadapi cabaran pandemik COVID-19. KPM telah menyusun semula dan merangka perancangan pembangunan dengan lebih teliti dan menyeluruh bersesuaian dengan situasi semasa untuk memastikan setiap projek

dapat dilaksanakan dengan segera. KPM telah mengambil pendekatan baharu untuk turun padang bagi melihat sendiri keadaan sebenar supaya setiap penyelesaian dilaksanakan dengan pantas dan efektif. Kaedah ini membolehkan sebarang permasalahan berkaitan projek dapat ditangani dengan cepat dan berkesan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), iaitu bagi tahun 2016 hingga tahun 2020, sejumlah RM3.055 bilion telah diluluskan untuk projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif bagi 773 buah sekolah di seluruh negara. Peruntukan ini digunakan untuk menaik taraf atau membina semula bilik darjah, asrama, bangunan pentadbiran dan kemudahan lain.

Daripada keseluruhan peruntukan tersebut, sejumlah RM415 juta adalah untuk menaik taraf dan membangun semula 245 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif di Semenanjung Malaysia. Sejumlah RM1.388 bilion lagi untuk menaik taraf dan membangun semula 291 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif di Sarawak manakala RM1.252 bilion adalah untuk menaik taraf dan membangun semula 237 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif di Sabah.

Bagi tahun 2020, sebanyak 136 projek menaik taraf dan membangun semula bangunan daif di sekolah telah diluluskan. Berdasarkan jangkaan awal Jabatan Kerja Raya (JKR), sebanyak 53 projek yang berstatus dalam pembinaan disasar dapat disiapkan pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, unjuran ini terpaksa dikurangkan berikutan kesan pandemik COVID-19 yang menyebabkan kerja-kerja di tapak terpaksa ditangguhkan. Oleh yang demikian, 32 projek dijangka dapat disiapkan dalam tahun 2020. KPM akan terus bekerjasama rapat dengan JKR Malaysia, JKR Sarawak, JKR Sabah, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek.

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat 2020, KPM juga turut menerima sejumlah RM410 juta bagi menampung kerja-kerja menaik taraf, baik pulih dan selenggara kemudahan sekolah di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa melaksanakan usaha yang berterusan bagi menyelesaikan perkara berkaitan sekolah menumpang di seluruh negara. Berdasarkan data KPM pada 1 November 2020, terdapat 74 buah sekolah yang menumpang sepenuhnya atau sebahagian di sekolah lain. Daripada jumlah tersebut, 59 adalah sekolah rendah dan 15 sekolah menengah.

KPM komited untuk menyelesaikan perkara berkaitan sekolah menumpang mengikut kes (*case-by-case basis*). Strategi penyelesaian yang telah dan akan dilaksanakan adalah melalui kaedah pembinaan bangunan baharu bagi sekolah yang menumpang di tapak lain atau penggabungan sekolah. Sebagai contoh, projek pembinaan SMK Langkon di Kota Marudu yang tertangguh untuk satu tempoh yang panjang telah berjaya diteruskan dengan pelantikan kontraktor baharu pada tahun ini. Kesegeraan pelaksanaan projek ini akan memanfaatkan murid di kawasan tersebut yang telah menumpang di SK Langkon sejak tahun 2000 lagi.

KPM turut memberi perhatian kepada status pembinaan sekolah yang terbengkalai. KPM telah mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan masalah berkenaan dengan mempercepatkan proses pelantikan semula kontraktor baharu tanpa berkompromi dengan prosedur dan kualiti yang ditetapkan. Antaranya, projek terbengkalai SK Saujana Putra dan SMK Saujana Putra yang kini sedang diteruskan kerja-kerja pemulihan untuk menyiapkan projek tersebut.

Dalam aspek pengurusan Murid Berkeperluan Khas (MBK), KPM sentiasa berusaha untuk menempatkan MBK di sekolah yang mempunyai infrastruktur, guru dan pembantu pengurusan murid (PPM) yang bersesuaian. Ini bagi membolehkan MBK dapat menerima pendidikan yang berkualiti dalam keadaan selamat dan selesa. Perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah dari segi kesediaan infrastruktur sekolah dan kepakaran guru dalam memberi pengajaran dan pembelajaran kepada MBK. Sehingga 30 Jun 2020, terdapat 6,426 buah sekolah yang mempunyai MBK. Daripada jumlah tersebut, 2,497 buah sekolah mempunyai sekurang-kurangnya 1 kemudahan mesra OKU dan daripada jumlah ini, hanya 414 buah sekolah telah dilengkapi dengan empat kemudahan mesra OKU. Melalui belanjawan 2021, KPM telah meminta

supaya Kementerian Kewangan memberi keutamaan dalam menyediakan peruntukan bagi tujuan penambahbaikan infrastruktur dan pengurusan MBK. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM45 juta di bawah inisiatif MBK. KPM akan terus berusaha untuk menyediakan prasarana OKU bagi memastikan kebajikan mereka diberi keutamaan.

Selain itu, KPM akan meneruskan projek pembangunan bagi 14 buah sekolah yang terdiri daripada 11 buah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan tiga buah Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dengan kos sebanyak RM168 juta.

KPM turut memberi penekanan tentang keperluan mendesak untuk membina sekolah baharu di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Hasil libat urus KPM bersama-sama Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi bagi Belanjawan 2021, KPM telah berjaya mendapat peruntukan bagi pembinaan sekolah baharu, antaranya SMK Kota Kemuning 2, Kompleks Sekolah Presint 15, Putrajaya dan SMK Kota Warisan.

Selain itu, terdapat juga projek baharu yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia sebelum ini tetapi masih belum mula dilaksanakan. Sehubungan itu, KPM komited untuk memastikan projek-projek berkenaan dimulakan dengan segera bagi memenuhi keperluan pendidikan penduduk di kawasan terlibat. Antaranya, SK Orang Kaya Mohamad dan SMK Samalaju di Bintulu dan SK Abang Man di Simunjan.

Pemutihan Tanah

KPM telah mengenal pasti status tanah yang perlu mendapat geran di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) bagi tapak-tapak sekolah yang didapati belum mempunyai geran. Bagi menyelesaikan masalah hak milik tanah ini, KPM berjaya mendapat peruntukan yang lebih tinggi untuk tahun 2021 sebanyak RM76 juta bagi tujuan pemutihan tanah yang melibatkan tanah persendirian, tanah kerajaan negeri, tanah FELDA, tanah JAKOA dan tanah tanpa warta.

Penyelenggaraan

Menyedari bahawa keadaan sekolah yang selamat dan selesa amat penting untuk pembelajaran, KPM memperkenalkan kaedah baharu agihan peruntukan penyelenggaraan mulai tahun 2021. Sepertimana yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menyelenggara sepenuhnya sekolah kerajaan. Pada masa yang sama, kerajaan boleh memberi sumbangan bantuan kepada sekolah bantuan kerajaan. Oleh yang demikian, peruntukan penyelenggaraan sekolah perlu diagihkan dengan cermat, teliti dan berhemat bagi memastikan impak yang optimum.

Pengagihan peruntukan penyelenggaraan bagi tahun 2021 adalah berdasarkan satu formula yang mengambil kira bilangan dan jenis sekolah, sama ada kategori sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Dalam menggunakan formula ini, asas perkiraan adalah berdasarkan purata daripada peruntukan RM620 juta bagi 10,223 buah sekolah, iaitu sebanyak RM60,648 setiap sekolah.

Siling peruntukan bagi sekolah bantuan kerajaan dikira berdasarkan 90 peratus daripada purata tersebut didarabkan dengan bilangan 1,930 buah sekolah bantuan kerajaan. Ini menjadikan siling peruntukan untuk sekolah bantuan kerajaan adalah sebanyak RM105.34 juta. Siling peruntukan bagi 8,293 buah sekolah kerajaan pula adalah berdasarkan peruntukan penyelenggaraan sekolah sebanyak RM620 juta ditolak siling sekolah bantuan kerajaan. Ini menjadikan siling peruntukan untuk sekolah kerajaan ialah RM514.66 juta.

KPM sedar bahawa terdapat jenis sekolah yang menerima peruntukan siling yang lebih rendah berbanding yang lain. Untuk itu, sebanyak RM30 juta daripada RM750 juta peruntukan penyelenggaraan sekolah dan institusi pendidikan adalah dikhususkan bagi menampung mana-mana keperluan penyelenggaraan kritikal untuk jenis sekolah yang peruntukan silingnya adalah RM30 juta dan ke bawah.

Pendidikan Digital

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital negara. Antara tumpuan utama ialah meningkatkan akses internet dan pemilikan peranti oleh murid di sekolah seluruh negara. Perkara ini adalah antara butiran yang dinyatakan dalam Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan pada 6 November 2020.

KPM juga telah menyediakan capaian jalur lebar Internet dengan kelajuan 30Mbps (Megabit per second) hingga 100Mbps kepada 10,066 sekolah. Selain itu, KPM sedang dalam usaha menyediakan capaian internet melalui teknologi VSAT (Very Small Aperture Terminal) berkelajuan 30Mbps bagi 141 sekolah KPM yang masih tiada infrastruktur jalur lebar di kawasan sekolah berkenaan. Pemasangan VSAT ini dijangka siap pada Februari 2021.

Inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang melibatkan pembangunan infrastruktur dan penaiktarafan rangkaian telekomunikasi akan memberi manfaat yang besar kepada semua sekolah di seluruh negara. Usaha untuk meningkatkan kualiti capaian akses internet di sekolah akan terus diperkasakan. Bagi butiran belanjawan tahun 2021, sebanyak 430 sekolah di seluruh negara akan terlibat dalam inisiatif ini. KPM juga akan menaik taraf capaian internet sekolah kepada kelajuan 100Mbps hingga 800Mbps melalui inisiatif rangkaian bersepadu Sektor Awam MyGovNet yang disediakan oleh MAMPU. Selain itu, bagi mengatasi masalah jurang capaian internet, KPM sedang dalam perancangan untuk melaksanakan naik taraf rangkaian setempat (Local Area Network) dengan kaedah capaian dipelbagaikan melalui rangkaian tanpa wayar (wireless access) di pelbagai lokasi dalam kawasan sekolah mulai tahun 2021.

Pelaksanaan pemilikan komputer riba, melalui pembentangan Belanjawan 2021, KPM akan melaksanakan program rintis penyediaan peranti kepada 150,000 orang murid meliputi 500 sekolah melalui Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional Bhd. KPM sedang memperincikan kriteria murid dan sekolah yang bakal menerima peranti tersebut. Seterusnya, KPM akan mengadakan

perbincangan lanjut dengan Yayasan Hasanah setelah senarai dimuktamadkan. Selain daripada membantu murid dan sekolah yang memerlukan, tujuan rintis ini adalah untuk mendapat kaedah pelaksanaan yang terbaik sebelum dicadangkan untuk perluasan.

Pentaksiran

KPM akan memperkenalkan kaedah pentaksiran baharu bagi tujuan kemasukan murid ke Sekolah Khusus, iaitu Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) untuk tahun 2021. Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) melibatkan permohonan kemasukan murid ke Sekolah Khusus secara *single entry point*. Kaedah baharu ini melibatkan permohonan secara berpusat dan juga kaedah pentaksiran standard secara berpusat untuk kemasukan murid ke Sekolah Khusus;

Lain-Lain

Dalam mengambil kira kebajikan guru, beberapa penambahbaikan terhadap aplikasi e-GTukar telah dilaksanakan bagi memastikan permohonan dan kelulusan pertukaran guru berjalan dengan lebih lancar. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan adalah:

- (a) Sistem *traffic light* untuk memaklumkan kepada pemohon mengenai kekosongan perjawatan dan opsyen berdasarkan keperluan guru di peringkat negeri dan daerah yang dimohon.
- (b) Kaedah pertukaran guru secara padanan keperluan opsyen melalui modul e-GTukar. Dengan kaedah ini, permohonan akan dipadankan secara automatik bagi membolehkan pihak KPM membuat penilaian selanjutnya.
- (c) Tawaran pertukaran pasangan guru ke negeri yang mempunyai kekosongan.

Berdasarkan pengumuman Belanjawan 2021, sejumlah peruntukan disediakan untuk menambah baik RMT dengan menyatukan Program Susu Sekolah dan RMT. Di samping itu, penyediaan bekalan susu

ditambah daripada dua kali seminggu sahaja kepada setiap hari persekolahan.

Pemeriksaan Institut Pendidikan Guru (IPG) turut dilaksanakan dengan mengekalkan semua IPG dan terus beroperasi pada tahap optimum. KPM akan memastikan IPG dilihat sebagai institusi premium yang melahirkan guru-guru yang hebat dan dapat menyumbang kepada pembangunan pendidikan anak-anak kita.

Sehubungan itu, KPM sentiasa bersedia untuk membuat perubahan dan menambah baik polisi pendidikan sedia ada mengikut keperluan semasa. Walau bagaimanapun setiap perubahan dan penambahbaikan polisi hendaklah melalui proses yang teliti agar memberi impak yang positif kepada sektor pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.